


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ZAKIR HUSIN

Jeriji Besi, Biarkan Aku Sengsara Di Sini: 24 Libasan Rotan, Banduan Ganas, Seludup Dadah
Kuala Selangor, Selangor: Mohammed Zakir Husin bin Mohammed Zahid, 2017. 235 ms.
ISBN 978-967-15380-0-5

Jeriji Besi, Biarkan Aku Sengsara Di Sini mengisahkan kehidupan seorang graduan muda bernama Zakri yang merasakan telah banyak bergelumang dengan dosa semasa bertugas di Majlis Daerah Kuang Selatan sebagai Penolong Pegawai Tadbir. Oleh kerana jawatan yang disandang, beliau bersikap sangat angkuh, sompong, riak dan takbur dengan kuasa yang ada kerana disanjung oleh kakitangan dan masyarakat setempat yang terdesak memerlukan bantuan. Namun, setelah selamat dari kemalangan yang hampir meragut nyawanya, Zakri telah sedar akan kesilapan beliau dan akhirnya mengambil keputusan untuk berhenti kerja dari kerja tersebut apabila mendapat tawaran jawatan sebagai Penolong Kuasa Penjara di Pusat Pemulihan Akhlak dan Penjara Kukup, Johor. Pelbagai pengalaman perit dan getir yang dialami olehnya bersama-sama banduan dan kakitangan penjara dikongsikan dalam hasil naskhah ini.

Buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur yang ingin mengetahui tentang kehidupan di dalam penjara. Buku ini dipersembahkan dalam bentuk novel yang mengandungi 37 tajuk kecil seperti Kifarah Dosa, Padang Kawad, Sebat Rotan, Sekolah Henry Gurney, Sejambak Bunga, Diserang Banduan, Opera Orang Tahanan, Seludup Dadah dan banyak lagi yang disampaikan secara naratif agar menjadi lebih menarik. Penulis memaparkan kisah benar yang berlaku di dalam penjara bersama-sama orang tahanan atau banduan dan sistem pengurusan penjara itu sendiri seperti hukuman sebat, gantung sampai mati, kes-kes penyeludupan dadah ke dalam penjara, perilaku banduan semasa dihadapkan ke mahkamah dan sebagainya. Kisah-kisah ini yang disampaikan sekadar untuk berkongsi pengalaman yang dilalui penulis supaya mendapat gambaran keperitan hidup dalam penjara untuk pengajaran setiap kisah yang ditulisnya.

Penulis turut menekankan akan kepentingan institusi kekeluargaan serta tanggungjawab dan kasih sayang terhadap ibu bapa. Penulis menjadi contoh terbaik kerana sentiasa mengambil berat dan menziarahi ibunya yang uzur tanpa mengira jarak dan masa. Baginya tanggungjawab dan pengorbanan sebagai anak lelaki tunggal perlu dilaksanakan agar hidupnya sentiasa diberkati tuhan.

Watak utama iaitu Zakri ditonjolkan sebagai watak yang berpegang teguh kepada nilai dan integriti. Selain itu, ketegasan beliau juga diceritakan apabila beliau tetap mempertahankan alasannya memilih untuk bekerja sebagai Penolong Kuasa Penjara adalah kerana tidak tahan melihat perlakuan rasuah yang berleluasa di tempat kerja lama. Menerusi buku ini, banyak menggambarkan diri Zakri merupakan seoang yang jujur, bijak, bertanggungjawab, penyayang, penyabar, bertimbang rasa dan lain-lain lagi. Namun adakalanya Zakri juga seorang yang degil apabila beliau ingkar mematuhi arahan jurulatih semasa menjalani latihan sebagai pelatih baru di Maktab Penjara. Berkat kesabaran dan kejujuran Zakri dalam melaksanakan tugas, akhirnya beliau ditukarkan bertugas ke Penjara Semenyih dengan alasan untuk menjaga ibunya yang sakit.


Pada pandangan pengulas, buku ini disyorkan untuk dibaca kerana gaya bahasa yang mudah difahami dan menarik, teknik penceritaan yang sangat baik, tiada bahasa kiasan digunakan dan sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja. Banyak pengetahuan dapat dikaut

menerusi buku ini kerana setiap kisah di penjara diceritakan satu persatu. Ramai yang menganggap pekerjaan dalam bidang kepenjaraan tidak baik tetapi terdapat banyak perkara yang masyarakat perlu singkap di dalam penjara. Bagi yang gemar dan ingin mengungkap rahsia di penjara, buku ini dapat membantu merungkai persoalan masyarakat kerana penulis buku ini sendiri merupakan seorang Penolong Penguasa Penjara sekitar tahun 1994. Pengalamannya bersama jabatan penjara selama lebih tiga tahun tersimpan kemas dalam memorinya lalu dirakamkan melalui penulisan.

Pengulas

Dayang Norainie Binti Awang Junidee
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



DR. MOHD DAUD BAKAR
Saya ada 25 jam sehari
Kuala Lumpur: Amanie Media Sdn. Bhd., 2016. 244 ms.
ISBN 978-967-13789-8-4

Ungkapan masa itu emas seringkali kita guna dan dengar. Namun sejauh mana kita memanfaatkan masa yang ada dengan melaksanakan perkara yang berfaedah sekaligus mampu memberi manfaat kepada orang lain. Sehari kita mempunyai 24 jam untuk bekerja, menguruskan keluarga, beriadah dan sebagainya. Walau bagaimanapun ramai yang mengeluh tidak cukup masa untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Datuk Dr. Mohd Daud Bakar merungkai isu ini yang seringkali dijadikan alasan kita untuk tidak melaksanakan sesuatu dan memberikan panduan untuk menguruskan masa dengan lebih efektif agar kita menjadi manusia yang lebih hebat.

Tanggungjawab yang begitu besar pasti memerlukan pengurusan masa yang sangat cekap kerana sesaat pun begitu berharga. Dalam buku ini, penulis banyak menceritakan kehidupan serta rutin hidup beliau yang sangat padat dengan pelbagai urusan. Sebagai

seorang manusia normal, 25 jam sehari adalah sesuatu yang mustahil malah tidak dapat dibuktikan dengan Sains. Walau bagaimanapun, penulis berjaya merungkaikan tips beliau menjana 25 jam sehari dalam kehidupan seharian.

Buku ini amat sesuai dan bertepatan kepada golongan pekerja yang sentiasa sibuk dan pelajar. Buku ini dibahagikan kepada lapan (8) topik utama yang membincangkan berkaitan masa dan tips untuk menguruskannya mengikut cara penulis. Gaya bahasa dan penggunaan ayat yang ringkas memudahkan pembaca untuk memahami isu-isu yang diutarakan. Antaranya ialah bagaimana menjana 25 jam sehari, mampukah kita hidup tanpa masa, diari kehidupan beliau, pengukuran impak masa dan sebagainya.

Tentunya ini sesuatu yang amat menarik perhatian kita untuk berkongsi rutin harian penulis yang memerlukan beliau mengembara di serata dunia. Beliau menghabiskan masa hampir 400 jam setahun di dalam pesawat kerana keperluan untuk menghadiri mesyuarat. Oleh sebab itu, penulis gemar kepada mesyuarat berturut agar dapat menggunakan masa dengan efektif. Malah tempoh transit 2-6 jam di lapangan terbang turut digunakan untuk bertemu dengan pelanggan dan menyelesaikan beberapa isu penting. Jadual kerja beliau yang padat bukanlah alasan untuk tidak menyiapkan tugas. Antara tips yang dikongsi adalah untuk memberi tumpuan kepada perkara penting, bertindak kreatif dalam menyelesaikan masalah, wujudkan masa dalam masa dan bersikap pintar.

Bagi penulis, jika kita sentiasa berasa tidak cukup masa, itu bermakna kita tidak memanfaatkan masa dengan baik. Mungkin ramai yang beranggapan 25 jam sehari itu sebagai mitos semata-mata dan tiada sesiapa yang mempunyai masa lebih 24 jam sehari. Namun mereka yang bijak menguruskan masa akan dapat memanfaatkan masa dengan lebih baik dalam tempoh masa yang sama dengan menjana masa. Contohnya di pejabat, sampai awal dan balik lambat bukanlah persoalannya, tetapi berapa banyak tugasan yang berjaya diselesaikan dalam sehari.

Awas! pembaziran masa perlu dielakkan. Kita sering menggunakan faktor masa sebagai alasan dan punca kegagalan sedangkan masa kita dibazirkan untuk perkara lain seperti melayari internet, tempoh mesyuarat yang lama, masa makan yang melampaui waktu rehat yang ditetapkan dan sebagainya. Bayangkan sekiranya tempoh yang sama

dimanfaatkan dengan baik, sudah pasti tahap prestasi akan lebih hebat.

Penulis turut membincangkan tentang isu ketirisan masa yang menghalang kita untuk maju sebagai manusia hebat. Beliau merujuk kepada buku Jim Collins “*Good to Great*”, tentang kepentingan untuk menjadi manusia hebat bukan setakat bagus. Hakikatnya, bagus adalah musuh kepada hebat. Tidak ramai orang yang mencapai kehebatan dalam hidup kerana merasakan hidupnya sudah cukup bagus. Bagi mencapai kecemerlangan prestasi kerja contohnya memerlukan kesimbangan input dan output bagi mengoptimalkan sumber, mengelak ketirisan masa dan mewujudkan budaya inovasi dalam memajukan diri.

Sesungguhnya ramai yang mahu berjaya tetapi tidak sanggup untuk mengubah diri. Jika mahu berjaya, kita perlu mengubah cara kita memanfaatkan masa 24 jam sehari. Kita mampu menjana 25 jam sehari sekiranya dalam masa sehari kita mampu menyelesaikan beberapa tugas penting dan mengelakkan pembaziran masa. Bagi tujuan tersebut kita juga perlu melakukan audit masa untuk mengesan kelompong masa yang digunakan seharian dengan memberikan sedikit masa untuk melakukan audit pantas supaya tidak mengulangi kesilapan lalu. Sebenarnya, adalah tidak penting sama ada seseorang individu mampu menjana 25 jam sehari atau tidak tetapi kita harus yakin bahawa kita sentiasa mempunyai masa yang lebih bagi melakukan banyak perkara yang bermanfaat.

Secara keseluruhannya, intipati serta kandungan dalam buku ini mampu memberikan impak yang besar kepada semua golongan pembaca yang ingin menjadi manusia hebat tanpa mengira umur dan kerjaya melalui pengurusan masa yang berkesan dengan berpandukan penulis yang boleh dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada pembaca yang ingin mencabar diri untuk menjadi manusia hebat.

Pengulas:

Nurul Hazwani Binti Rosli
Penolong Pengarah
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



SITI NADZRAH SHEH OMAR
Membina Keluarga Profazz 2: Professional. Huffaz
Kuala Lumpur: PROFAZZ MEDIA SDN BHD,
2016. 289 ms.
ISBN 978-967-14532-0-9

Buku ini merupakan *sequel* dari buku Bestseller ‘Membina Keluarga PROFAZZ’ nukilan No. 1 Malaysia, Siti Nadzrah Sheh Omar atau lebih dikenali dengan panggilan Ummi yang menceritakan pengalaman 30 tahun seorang ibu mendidik 5 orang anak-anak lelaki yang hebat dalam kerjaya dalam pelbagai bidang profession dan juga huffaz Al-Quran.

Siapa yang tidak kagum dengan kehebatan wanita ini yang telah Berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan yang ditempuhi dalam membesarkan dan mendidik anak-anak dari kecil sehingga mereka dewasa, sehingga menjadi insan-insan sempurna. Rahsia dan formula didikan yang terbukti amat berkesan dalam mendidik anak cemerlang ini perlu dibongkar melalui buku ini.

Sekiranya anda telah membaca buku pertama beliau, "Ummi" telah berkongsi serba sedikit pengalaman selama dua belas tahun menjadi Stay-At-Home-Mother dan Working-At-Home-Mother. Buku siri kedua ini pula, menyentuh secara mendalam pengalaman beliau sebagai wanita berkerjaya, full-time-working dalam mendidik anak-anak serta segala cabarannya.

Mengangkat tema pendidikan anak dari pendekatan Islam di mana ruang lingkup perbincangannya secara umum berkisar kepada wanita yang berkerjaya serta tanggungjawab mereka dalam mendidik anak-anak. Oleh itu, buku ini sesuai dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi para ibu bapa yang berwawasan untuk membina sebuah institusi keluarga Muslim serta ingin meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak mereka supaya menjadi insan-insan hebat.

Buku ini amat menarik untuk dibaca bukan sahaja kepada ibu-ibu malah bapa yang sedang memikirkan kaedah terbaik dalam mendidik anak-anak, sesuai dengan keadaan semasa. Wanita bekerja harus bijak mengimbangi antara kerjaya dan keluarga. Dalam apa situasi sekalipun, ibu bapa perlu memastikan anak didik dengan penuh kasih sayang dan mendapat jagaan dan perhatian yang rapi.


Buku ini boleh dibaca dan amat sesuai sebagai bacaan umum gaya bahasa yang mudah difahami dan bersahaja. Teknik penyampaian yang jelas, serta diselang-selikan dengan ilustrasi dan petikan ayat yang bewarna-warni menjadikan buku ini lebih mudah dan menarik untuk ditelaah sesuai dengan objektif penulisan buku ini untuk serba sedikit menyuntik inspirasi dalam diri dan membantu ibu bapa muda dalam membuat keputusan dan memilih pendekatan terbaik dalam membentuk peribadi anak-anak supaya menjadi insan hebat.

Pengulas:

Sri Mawarny Binti Omar Ussman
Penolong Pengarah
Pusat Bibliografi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



HJH. SITI NADRAH SHEH OMAR
Suri Rumah Profesional Jutawan Di Rumah
Selangor: Profazz Media Sdn. Bhd., 2017
ISBN 978-967201-415-7

Tanggungjawab untuk mendidik anak-anak supaya menjadi insan yang berjaya merupakan matlamat ibu bapa yang berwawasan. Buku Suri Rumah Profesional Jutawan Di Rumah ini merupakan sebuah buku yang amat baik dijadikan panduan kepada ibu bapa yang inginkan sebuah keluarga Muslim yang mempunyai anak-anak soleh dan solehah serta mencintai Al-Quran. Buku ini amat sesuai dijadikan panduan terutamanya suri rumah sepenuh masa yang ingin menjana pendapatan dari rumah dan wanita bekerjaya yang sedang merancang untuk menjadi suri rumah sepenuh masa.

Tujuan utama mengapa seseorang wanita memilih untuk menjadi suri rumah profesional ialah supaya dapat mendidik anak-anak sempurna kerana ibu merupakan guru pertama kerana mereka orang yang paling dekat dengan anak-anak. Pembaca dapat mempelajari ilmu yang amat berharga daripada pengalaman penulis. Buku ini menggariskan ciri-ciri yang perlu ada pada ibu profesional. Mereka hendaklah faham akan matlamat sebagai seorang ibu, ikhlas atas setiap pekerjaan, tabah atas ujian dan cabaran, sanggup berkorban demi keselesaan hidup keluarga dalam mendidik dan membesarkan anak-anak serta sentiasa melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu berpandukan syariat Islam.

Disamping bertindak sebagai suri rumah sepenuh masa, ibu-ibu juga boleh menjana pendapatan keluarga dari rumah. Buku ini memberi panduan suri rumah sepenuh masa untuk menjana ekonomi dengan bekerja di rumah seperti mengusahakan katering, menjahit, membuka taska di rumah, menjalankan perniagaan atas talian, menjadi orang tengah untuk produk yang dijual di pasaran, penulis, penterjemah, kerja menyalin semula, penulis biografi, guru tuisyen, guru Al-Quran, juruaudit, pegawai cukai, kerja memasukkan data, pereka grafik, tempahan hantaran perkahwinan, melipat katalog, mengedar brosur, dan pelbagai lagi.

Suri rumah profesional haruslah bijak dalam mengurus kewangan keluarga dengan sempurna. Penulis mencadangkan supaya akaun keluarga dipecahkan kepada enam kategori iaitu Akaun Kebebasan Kewangan, Akaun Perbelanjaan dan Simpanan Jangka Panjang, Akaun Keperluan, Akaun Pendidikan, Akaun Libur dan Akaun Infaq. Suri rumah profesional haruslah bijak dalam merancang kewangan keluarga dengan mengamalkan perbelanja berhemah.


Kesimpulannya Suri Rumah Profesional Jutawan Di Rumah merupakan sebuah buku yang sangat berguna sebagai panduan dan motivasi kepada seorang wanita yang ingin menjadi suri rumah profesional sebagai kerjaya sepenuh masa. Ianya bukanlah satu keputusan yang mudah, kerana merupakan amanah Allah SWT dan bergantung kepada ibu bapa untuk mencorak kehidupan mereka supaya menjadi insan-insan yang sempurna dan sebuah keluarga yang rabbani dan membentuk masyarakat madani yang berilmu,

berakhlak mulia serta menjunjung agama Islam sebagai cara hidup.

Pengulas:

Nor Azila Binti Mohd Noor
Penolong Pengarah
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



MARIOILLE, MATHIEU

Salahuddin Al-Ayyubi: Wira Pembebasan Baitul Maqdis

Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House, 2017.

63ms.

ISBN: 978-967-411-843-3

PTS Publishing House tampil dengan komik grafik terbaru yang bertajuk *Salahuddin Al-Ayyubi: Wira Pembebasan Baitul Maqdis*. Buku ini merupakan terjemahan kepada karya asal dalam bahasa Perancis yang bertajuk *Saladin*. Penterjemahan kepada bahasa Melayu menggunakan bahasa yang mudah agar mudah difahami oleh pembaca.

Komik grafik ini mengisahkan tentang Salahuddin Al-Ayyubi, iaitu seorang pahlawan yang sangat terkenal dalam lembaran sejarah Islam. Salahuddin al-Ayyubi atau Salah ad-Din adalah nama gelaran bagi Shalahuddin Yusuf bin Najmuddin Ayyub bin Syadi atau yang lebih dikenali sebagai ‘Saladin’. Beliau lahir pada tahun 1138M di kota Tikrit, dari suku Kurdi dan bukan berketurunan Arab. Kisah kehidupannya bermula dengan zaman kanak-kanak, pelantikan beliau sebagai wazir untuk Khalifah Al-Adid semasa pemerintahan Kerajaan Fatimiyyah di Mesir, kejayaan beliau merampas kembali Baitul Maqdis dari tangan tentera Salib sehinggalah kematian Salahuddin di Damsyik.

Legenda yang mengukir pelbagai pencapaian hebat semasa hayatnya. Panglima perang yang mendedikasikan hidupnya untuk dua tujuan, iaitu menyatukan umat Islam demi jihad menentang Tentera Salib dan mengusir mereka dari Syria-Palestin. Cita-citanya yang tinggi itu tercapai dengan kemenangan tentera Islam dalam pertempuran di Hattin pada tahun 1187. Kejayaan itu turut membuka jalan kepada Salahuddin dan tenteranya untuk membebaskan Baitul Maqdis setelah hampir satu kurun lamanya dikuasai oleh Tentera Salib. Kemasyuran kepahlawanan Salahuddin tersebar ke serata dunia dan melangkauzaman beliau.

Sekiranya anda seorang peminat tokoh sejarawan Islam, buku ini memenuhi keperluan pembacaan anda. Ia adalah sebuah penulisan novel yang dipindahkan jalan penceritaannya ke dalam sebuah lakaran komik yang berillustrasi dan berwarna. Ini menjadikan pembacaan terasa segar dan ringan tanpa menjelaskan fakta mengenai tokoh tersebut. Malah ilustrusi dalam bentuk lukisan yang disertakan dapat menarik minat pembaca terutamanya para remaja untuk mengenali tokoh pejuang Islam ini. Novel ini turut dilengkapi bibliografi bahan rujukan oleh penulis bagi menonjolkan fakta sejarah empayar Islam ketika itu.


Selain memaparkan sejarah perjuangan Islam, novel grafik ini turut menyelitkan pengajaran dan nilai-nilai murni kepada pembaca serta menanam semangat cintakan perjuangan demi agama dan negara dengan mengambil contoh daripada Salahuddin kisah perjuangan tokoh ini boleh dijadikan sumber inspirasi sejagat terutamanya generasi kini dan akan datang.

Pengulas:

Hasnan Binti Mamat @ Ahmad Shazli
Penolong Pengarah
Bahagian Pembinaan Koleksi
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



WAN MUHAMMAD BIN MUHAMAD ALI
Islam dan Fitnah Modernisme
Kuala Lumpur: Pertubuhan Muafakat Sejahtera
Masyarakat Malaysia, 2017. 163 ms.
ISBN 978-967-10988-5-1

Tanpa kita sedari, dunia Islam pada masa kini diancam oleh fitnah dalam pelbagai bentuk. Ia semakin merebak dalam arus kemodenan. Islam tidak menolak kemodenan tetapi menolak modenisme yang bersifat sekularis iaitu menyingkirkan agama dari kehidupan manusia, malah ianya akan menggelincirkan manusia menjadi insan takwa. Oleh hal yang sedemikian, kita sebagai umat Islam perlu menangani dan berhati-hati supaya tidak terperangkap dalam dunia moden yang menyesatkan kita dari jalan Allah S.W.T.

Fenomena modenisme ini yang dicetuskan oleh golongan bukan Islam di Barat telah mempengaruhi umat Islam terpesong daripada ajaran Islam. Pemikiran dan falsafah umat Islam selama ini yang berpegang kepada ajaran Ahlu 's-Sunnah wa'l-Jama'ah telah diserang bertalu-talu oleh golongan Islam yang berfahaman modenisme, pasca modenis-

dan sekularis yang menghadapi krisis dan kecelaruan epistemologi dan juga *worldview*. Kemasukan fahaman dan falsafah modenisme dan pasca modenisme ke dalam pemikiran umat Islam boleh memecah belahkan umat Islam.

Pasca modenisme adalah satu aliran fahaman terkini yang berkembang di Barat lanjutan daripada faham modenisme yang sekian lama menjadi tunjang pemikiran dan cara hidup Barat. Pasca modenisme ialah perubahan kepada struktur ataupun bentuk pemikiran yang melibatkan seluruh sistem kehidupan Barat yang menolak agama serta system nilai dan menjadikan faham rasional, kebendaan, aliran hedonistik (yang mementingkan keseronokan) dan anarki (tidak berdasarkan undang-undang) sebagai titik tolak menjelmakan sistem kehidupan baru yang mata bercanggah dengan agama Islam.

Buku ringkas ini memberikan kefahaman mengenai fahaman mutakhir Barat ini dan kesannya kepada masyarakat Islam. Islam pada prinsipnya tidak menolak perubahan dan kemajuan. Konsep *islah* dan *tajdid* yang berlaku dalam persejarahan Islam berupaya melakukan adaptasi untuk *respons* kepada realiti tetapi tetap mengekalkan kepentingan akidah, syariah dan akhlak sebagai asas.

Islam melihat pembangunan manusia atau insan sebagai paling utama. Risalah *nubuwwah* bermaksud penyempurnaan akhlak manusia sebagai ‘*abid*’ dan khalifah. Lantaran ‘*abid*’ yang terbangun jiwa ubudiyyahnya bakal menjadi khilafah yang bermakna mensejahterakan amanah serta memberi makna terhadap tujuan kehidupan, kemajuan dan pembangunan itu sendiri. Oleh itu, perubahan dalam Islam sentiasa dalam urutan yang fitrah tanpa menolak sama sekali faedah untuk kebaikan umat manusia.


Pengulas:

Mahazatfetri Mahmud

Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan
Desa
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



NOR HAYATI ABDUL HAMID
Kanser Payudara: Rawatan Moden, Konvensional atau Alternatif: Pengalaman peribadi pesakit kanser payudara tahap 4
Subang Jaya, Selangor: Nor Hayati., 2018.
ISBN 9978-967-15617-0-6

Kanser adalah satu perkataan yang cukup mengerikan untuk didengar apa lagi jika diri sendiri yang mengalaminya. Kanser payudara selalunya dilabel sebagai pembunuhan utama wanita. Mereka yang telah didiagnos sebagai pesakit kanser payudara selalunya hanya berserah diri menanti waktu kematian mereka. Kanser payudara menyerang wanita tidak mengenal bangsa, umur, kaya atau miskin, berjawatan tinggi atau sebaliknya.

Penulis merupakan seorang pensyarah kanan di Universiti Teknologi Mara. Beliau disahkan menghidap kanser payudara semasa menyambung pengajian di peringkat PhD di United Kingdom. Buku ini mengisahkan pengalaman beliau sebagai seorang pejuang kanser payudara tahap 4 yang melalui perjuangannya dengan berbagai rawatan moden, konvensional dan alternatif. Beliau telah disahkan menghidap kanser pada tahun 2009 dan kini beliau berjaya sembuh sepenuhnya.

Bagai diberi peluang hidup kedua, penulis membawa pembaca menyelami pengalaman beliau menewaskan kanser menerusi rawatan moden, konvensional dan alternatif. Apa sahaja perubatan yang terbaca dan dibaca yang boleh mengurangkan rasa sakit beliau akan dicubanya. Segala kesilapan dalam rawatan juga diceritakan supaya pesakit tidak mengulangi kesilapan yang sama. Sebagai contoh, penulis berkongsi tentang kegagalan rawatan apabila beliau nekad untuk mencuba rawatan ozon yang menggabungkan ozon dan baking soda sebagai rawatan kanser. Pada peringkat awalnya selepas melakukan rawatan ozon, darah akan menjadi lebih cair dari biasa dan merumitkan proses pembekuan yang menyebabkan beliau sering mengalami pendarahan. Namun, selepas 10 kali rawatan, rawatan tersebut mula menunjukkan hasil yang positif apabila beliau merasakan bahawa tumor telah mengecut.

Rakaman dan garapan kisah beliau yang tidak serik berjuang untuk melawan kanser digarap dengan segala kelebihan dan keburukan setiap rawatan untuk dikongsi bersama. Segala kesakitan terpaksa diharungi demi untuk terus hidup dan bernafas, dan diselitkan juga tentang beberapa kenalan penulis yang tewas ketika perjuangan belum selesai. Melalui maklumat yang terdapat dalam buku ini, pembaca diajak untuk memahami tentang kanser payudara merupakan satu bentuk ancaman yang berbeza dari segala bahaya dan juga setiap penghidap mempunyai daya tahan yang berlainan.

Pengulas beranggapan bahawa buku ini adalah hadiah penulis kepada penghidap kanser payudara yang lain sebagai teman bermaklumat untuk memberikan panduan kepada pembaca tentang perawatan demi menggembalikan diri pesakit kepada kesihatan yang lebih baik. Penulis menawarkan pemahaman yang lebih mendalam tentang kanser dan cara untuk meneruskan hidup dengan kanser. Sikap positif penulis dalam menangani kanser boleh menjadi inspirasi kepada kita dalam menilai erti sebuah kehidupan dan menjadi manusia yang sentiasa bersyukur.

Pengulas:**Jamiliana Binti Jamil**

Penolong Pengarah

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Perpustakaan Negara Malaysi

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Tekanan atau stress memang terjadi dalam kalangan individu tidak kira dalam keadaan bersedia atau tidak. Pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya tekanan seperti masalah percintaan, keluarga, rakan-rakan, kerja dan sebagainya. Tekanan harus diatasi dan dihindari lebih awal untuk mengelakkan ianya merebak dan memberi kesan buruk kepada kehidupan. Justeru, buku ini memberi panduan dan membincangkan segala tentang stress dan cara mengatasinya dan berkongsi banyak teknik untuk menghilangkan tekanan. Punca-punca tekanan juga disertakan bagi memudahkan pembaca mengetahui faktor tekanan yang dialami. Terdapat juga soal selidik bagi mengetahui seseorang itu mengalami tekanan atau sebaliknya.

ANJALI ARORA
5 langkah untuk mengatasi tekanan
Johor Bahru: Penerbit UTM Press,
[2018]
ISBN : 9789670798424

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Buku 'Aku Budak Medik' ini merupakan himpunan kisah benar catatan pengalaman daripada pelajar perubatan yang melalui liku-liku cabaran sepanjang menjalani latihan sebagai doktor pelatih. Ada suka, duka, lucu, ngeri, aneh, pelik, inspirasi, sentap, dan sebagainya. Pelbagai peristiwa yang dialami telah dikongsikan untuk memberikan gambaran keadaan di hospital, doktor, jururawat serta ragam pesakit yang mereka hadapi dan lalui dalam proses transisi menjadi seorang doktor. Buku ini sesuai untuk bacaan umum dan pelajar yang ingin mengenali dunia penuh risiko dan mencabar ini. Bagi pembaca yang mempunyai cita-cita menjadi seorang doktor boleh menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan kerana kandungan buku ini memberikan gambaran dan pengenalan awal dalam bidang kedoktoran.

Stetoskop aku budak medik 3.0
Kuala Terengganu: Penerbitan
Kata-Pilar
ISBN: 9789672014102

SINOPSIS BUKU




GREG BARTON
Dari Pesantren Ke Istana:
Biografi Presiden ke-4
Indonesia Kiai Haji
Abdurrahman Wahid
Rawang, Selangor: Awal Nahdah
Resources, 2016
ISBN: 9789671441800

Buku ini merupakan sebuah biografi terjemahan dari bahasa Inggeris karya Gres Barton mengenai Kiai Haji Abdurrahman Wahid, atau lebih mesra dipanggil Gus Dur iaitu seorang ulama tradisionalis dari dunia pesantren iaitu sekolah agama berasrama Nahdlatul Ulama. Buku ini bukan saja mencatat perjalanan Gus Dur dari pesantren ke Istana Presiden, tetapi juga menggambarkan liku-liku perjalanan Indonesia menuju demokrasi di tengah pergelutan antara rejim kuku besi dan kelompok pembaharu pro-demokrasi serta persaingan antara kelompok Muslim tradisionalis, modenis dan Islamis radikal. Turut disertakan dengan sejarah penubuhan Nahdlatul Ulama yang telah diasaskan oleh datuknya pada tahun pada 1926.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Buku Terbang Tapi Berjalan adalah sebuah penulisan jejak pembelajaran, jatuh bangun, cubaan dan eksperimentasi penulis iaitu Afiq Sazlan dalam mengharungi cabaran demi cabaran, kejayaan mahupun kegagalan yang datang dalam hidup. Ianya juga merupakan motivasi dan perkongsian idea, ilmu, pengalaman, pendapat, dan nasihat dengan pembaca terutama golongan anak-anak muda. Buku ini juga mencoretkan bagaimana Afiq Sazlan berkongsi cara untuk para pemuda memasang cita-cita yang setinggi langit, tetapi tetap berpijak atas bumi nyata.

AFIQ SAZLAN
Terbang tapi berjalan: bagaimana menjadi pemuda yang berani meneroka jalan asing?
Seri Kembangan, Selangor: Iman Publication Sdn Bhd, 2016
ISBN: 9789832423348

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



NAZLINA HUSSIN
The fierce Aunty's no-nonsense guide to the perfect laksa
Pulau Pinang: Hekty Publishing Sdn Bhd,
[2018?]
ISBN: 9789671513606

Laksa is a popular street food in Malaysia. It's a noodle dish that is quickly gaining popularity globally because of its scrumptious taste. To most people outside of Malaysia, laksa generally means curry laksa, in a curry and coconut milk soup base. The truth is, there are various flavour of laksa comes from different part of Malaysia. For example, Laksa Johor, Laksa Terengganu, Laksa Kelantan, Laksa Penang, Laksa Sarawak and many more. This book provides an easy to understand recipes which readers can follow. There are a variety of laksa recipes from various places in Malaysia. These recipes give an idea to readers to choose their favorites laksa.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



ANJALI ARORA
Ketahui Kesihatan Anda : 5 Langkah Menangani Kesakitan
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2016. 80ms.
ISBN 978-967-0798-37-0

Buku ini membincangkan mengenai gejala dan penyebab beberapa penyakit serta rawatan menangani gejala tersebut. Antara penyakit yang dibincangkan adalah artritis, osteoporosis dan sebagainya. Artritis lebih kerap berlaku pada wanita sekitar usia 55 tahun. Manakala gejala osteoporosis mula kelihatan pada pertengahan usia, sekitar usia 65 tahun kebanyakan orang kan menghadapi masalah ini. Kesakitan mempunyai kesan jangka panjang jika dibiarkan tanpa dirawat. Kesakitan juga disebabkan oleh tindak balas tubuh terhadap beberapa kekurangan nutrisi atau mineral, gangguan hormon, penyakit kronik atau postur yang salah. Buku ini juga cuba meleraikan mitos tradisional tentang pelbagai penyakit di samping menyediakan nasihat bagi rawatan kesakitan.


SINOPSIS BUKU



SHAHIDAN SHUIB
Cikgu Kampung
Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn.

Buku ini mengisahkan tentang kehidupan seorang guru. Catatan pengalaman bersama murid yang menarik dan memberi inspirasi kepada pembaca. Tidak ramai yang tahu dan arif tentang kehidupan seorang guru dan beban tugas yang dipikul mereka. Mereka tidak tahu perjuangan susah payah yang sebenarnya hanya mampu difahami sendiri oleh kalangan guru sendiri. Ia tidaklah semudah itu, perjalanan kerjaya seorang guru menuntut seribu satu tugas sampingan yang kadangkala orang tidak tahu. Kisah yang selama ini hanya guru sejati yang mengalaminya, kini dikongsi untuk semua. Segala tulisan yang ditulis tinta ini dan segala usaha menulis dan membukukan tulisan ini adalah legasi seorang guru, cikgu dan pendidik yang sejati di luar sana.


SINOPSIS BUKU



Buku ini merupakan olahan semula karya asal Buku Juara Yang Tewas. Olahan semula dalam bentuk naratif ini bertujuan mengangkat semula sebuah cerita mitos rakyat negeri Pahang berkaitan naga yang dikatakan pernah mendiami Tasik Chini. Buku yang disajikan dalam beberapa bab ini menceritakan secara terperinci mengenai kehidupan sang naga yang digelar Seri Pahang. Kisahnya adalah tentang Naga Seri Pahang dan Naga Sri Gumum yang bertapa selama 100 tahun supaya sisik bertukar kepada sisik emas menjadi pengisian awal cerita ini sehingga kepada kematiannya yang dimaklumkan melalui mimpi kepada Sultan Pahang.

ARIPIN SAID
Seri Pahang Naga Tasik Chini:
(Juara Yang Tewas)
Kuala Lumpur: Feroda Merah Press,
2017. 139ms.
ISBN 978-967-13777-3-4


SINOPSIS BUKU



INSPECTOR SAAHAB
Sedangkan Kiblat Pun Berubah
Sri Kembangan, Selangor: Iman Publications, 2016. 190ms.
ISBN 978-983-2423-33-1

Buku ini menyajikan suatu bentuk dakwah yang agak berlainan kaedah berbanding karya-karya seangkatannya. Buku yang bertemakan motivasi dan dorongan ke arah mengapai redha Allah ini diulas dan diolah dalam bentuk naratif dan contoh yang berlegar di sekeliling kita memudahkan khyalayak pembaca menghadam isi kandungannya. Nilai individu yang bersifat lumrah dalam mendapat perhatian dan penghormatan masyarakat sekeliling haruslah dipinggirkan daripada kamus hidup manusia bertakwa. Sebaliknya, pengorbanan, tindak tanduk dan iltizam kita harus dibugarkan semula seiring dengan tujuan kita dijadikan iaitu sebagai khalifah atau dai di muka bumi ini yang menyeru ke arah kebaikan dan mencegah perlakuan mungkar.

SINOPSIS BUKU




Buku yang tergolong dalam genre motivasi ini sesuai dibaca oleh pelbagai lapisan masyarakat. Kerencaman hidup yang pelbagai dalam dunia tanpa sempadan memerlukan kekuatan dan istiqamah yang tetap dan jitu untuk membantu merancang untuk bangkit semula sekiranya kita gagal. Gagal merupakan satu frasa yang sering menghantui hidup kita tetapi sedarkan kita bahawa sebahagian besar mereka yang berjaya di luar sana adalah mereka yang pernah gagal. Kegagalan dalam konteks yang lebih positif merupakan satu bentuk rangsangan dan kebangkitan semula dengan semangat yang lebih menyala untuk menggapai kejayaan yang didambakan.

FAIZAH HAMID, FATIN SYAMIMY
Cerita Gagal

Sri kembangan, Selangor: Iman
Publication Sdn Bhd., 2017. 249ms.
ISBN 978-983-2423-45-4

SINOPSIS BUKU




KHAIRUL ANUAR BASRI
**Travelog Huffaz : Mengapa Aku
Menghafaz Al-Quran**
Kuala Lumpur : Metromedia
Solutions, 2017. 191ms.
ISBN 978-967-12597-7-1

Buku ini merupakan anekdot penulis mengenai mengapa dan bagaimana beliau menghafaz Al-Quran. Beliau mendapat inspirasi ketika menghadiri program keagamaan yang telah dijalankan di sekolah menengah ketika masih menjadi pelajar. Sabda Rasulullah S.A.W, "Barangsiapa yang dapat menghafaz Al-Quran dan beramal dengannya, Allah akan memakaikan kedua ibu dan bapanya mahkota pada hari kiamat – cahayanya lebih terang dari cahaya matahari yang menerangi rumah-rumah manusia di dunia". Bertitik tolak daripada matlamat ini, maka beliau telah menyimpan hasrat untuk menghafaz Al-Quran supaya kedua ibu bapanya dapat dikurniakan syurga yang tertinggi dan dijauhkan daripada azab api neraka. Pelbagai cabaran telah ditempuhi oleh beliau dalam mencapai impian tersebut. Buku ini sesuai dijadikan panduan kerana banyak pengajaran yang boleh didapati daripada kandungannya.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Anatomi : Aku budak Medic 1.0


Kuala Terengganu, Terengganu :
Penerbitan Kata-Pilar, 2017.
186ms.

ISBN 978-967-13913-3-4

Buku ini merupakan kompilasi anekdot daripada 16 orang penulis yang berkisar tentang kehidupan menjadi penuntut bidang perubatan. Bidang ini selalunya dianggap ‘glamour’ oleh masyarakat. Cepat kaya. Kerja orang-orang pandai dan cemerlang. Ramai yang menyarung kot putih tanpa menyedari apakah makna dan hakikat di sebaliknya – hanya sensasi yang dimomokkan dalam rancangan bersiri di televisyen. Realitinya, ramai yang melangkah ke kolej perubatan (bahkan keluar sebagai graduan) dengan perasaan berbaur. Dilema yang berat di antara cita-cita dan minat, desakan keluarga dan tanggungjawab. Tanpa persediaan dan kejelasan. Buku ini mampu memberi pengisian berguna tentang realiti dan jangkaan yang bakal dihadapi. Gaya penulisannya yang santai menjadikan buku ini sesuai untuk dijadikan bacaan umum. Menjadi doktor tidak pernah mudah tetapi setiap yang payah itu adalah berbaloi untuk diperjuangkan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ANJALI ARORA
Ketahui kesihatan anda : 5 langkah untuk alam kanak-kanak yang sihat dan positif
Johor Bahru, Johor : Penerbit UTM, 2016. 72ms.
ISBN 978-967-430-746-2

Alam kanak-kanak menggambarkan kesucian hati dan kenakalan. Pengetahuan tentang pelbagai aspek alam kanak-kanak dapat membantu ibu bapa dalam melindungi anak mereka daripada menghadapi masalah kesihatan yang besar. Buku ini menyediakan banyak maklumat dan ilustrasi tentang penjagaan anak bermula dengan penyusuan ibu, pemakaian lampin, regimen pemvaksinan, latihan menggunakan tandas hingga latihan bahasa dan pertuturan. Di samping itu, ia juga membincangkan tentang penyakit kanak-kanak dan rawatannya. Penerangan berkaitan isu relevan seperti perubahan ketika baligh dan tuntutan remaja, mitos dan fakta juga turut diselitkan. Gaya penceritaan yang santai dan ringkas membuatkan buku ini sesuai dijadikan bacaan bagi wanita yang bakal melahirkan anak dan ibu bapa yang ingin mengetahui aspek-aspek lain selepas kelahiran anak.

SINOPSIS BUKU




DR. SYAHR MUSAFIR & RAHIMAH AR
Hikayat bernikah tanpa couple : Jilid 2
Shah Alam, Selangor : Sentap Press Sdn
Bhd, 2017. 286ms.
ISBN 978-967-2118-04-6

Buku ini menceritakan pengalaman penulis sewaktu beliau menjadi suami pada usia awal 20an ketika menjadi penuntut di universiti luar negara. Antara tips penting untuk menjalani hidup sebagai pasangan suami isteri adalah memberi penekanan kepada mengenali dahulu bakal pasangan. Siasat dahulu mengenai sikap pasangan sebelum berkahwin dan jika ada perbuatan yang tidak baik haruslah diubah dan bertaubat dahulu sebelum mendirikan rumah tangga. Tingkatan pengalaman hidup, pergaulan dan ilmu agama sebelum bernikah supaya mampu menghadapi dugaan ketika berkahwin. Belajar hidup dalam realiti kerana isteri bukanlah bidadari dan suami bukanlah malaikat. Alam perkahwinan menjanjikan pelbagai cabaran, ujian dan dugaan yang perlu dihadapi bersama pasangan dengan jiwa yang tenang dan sabar. Hanya dengan cara ini sahaja suatu perkahwinan itu mendapat keberkatan dan pengakhiran yang baik.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



M.A.FAWZI BASRI
Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak
Kuala Lumpur: Geroda Merah Press,
2016. 269ms.
ISBN 978-967-13777-2-7

Tulisan M.A. Fawzi Basri ini berdasarkan hasil kajian beliau dan rujukan silang daripada sumber tempatan dan luar negara berkisar tentang sejarah Kesultanan Perak. Beberapa tokoh sejarah negeri Perak turut diceritakan dalam buku ini yang terbahagi kepada tiga bab utama iaitu sejarah kesultanan, institusi sosio-politik kerajaan beraja zaman tradisi dan undang-undang dari pemerintahan raja yang mutlak kepada Raja Berpelembagaan. Seterusnya, penulis turut menceritakan sejarah peringkat awal campur tangan British serta adat istiadat dan aturan negeri Perak. Sistem dan institusi beraja negeri Perak Darul Ridzuan juga diperincikan secara jelas oleh penulis. Ahli sejarah dan akademik harus menjadikan buku ini sebagai antara sumber rujukan terpenting bagi melihat semula sejarah negeri Perak.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Buku ini memberikan panduan penjagaan kesihatan dan kecantikan. Kesihatan dan kecantikan tubuh badan amat penting diberi perhatian untuk mencapai kebahagiaan hidup. Antara aspek kesihatan yang dimuatkan termasuk tentang anatomi kulit, pelbagai masalah kulit dan penyelesaiannya. Pembaca juga turut didedahkan tentang kaedah penjagaan tubuh dan kulit serta maklumat berkaitan pembedahan kosmetik. Banyak tip yang menarik dikongsikan dan boleh dicuba serta diamalkan dalam kehidupan sehari-hari kita.

ANJALI ARORA
**5 Langkah Mengekalkan
Kesihatan & Kecantikan**
Johor Bahru, Johor: Penerbit UTM
Press, 2016. 64ms.
ISBN 978-967-0798-41-7

SINOPSIS BUKU



ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI
**Ke Arah Keperibadian Unggul –
Pembudayaan Kerja Cemerlang**
Nilai, Negeri Sembilan: Pustaka
Cahaya Kasturi Sdn.Bhd, 2017.
160ms.
ISBN 978-967-2028-06-2

Pembentukan budaya kerja yang baik dan positif bermula daripada keperibadian seseorang. Seterusnya suasana kerja yang baik, rakan kerja yang profesional dan persekitaran yang positif akan mewujudkan sebuah organisasi yang cemerlang. Buku karya Ustaz Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri ini menyelami kriteria untuk menuju ke arah keperibadian unggul dalam kerjaya. Kejayaan sesebuah organisasi bertunjangkan daripada kekuatan setiap individu di dalamnya. Kesedaran untuk membentuk budaya kerja organisasi yang tersusun dan sistematik juga amat penting bagi menangkis segala perancangan jahat musuh. Penyusunan budaya kerja yang cemerlang harus dilakukan secara menyeluruh meliputi segala aspek duniawi dan ukhrawi. Keperibadian unggul dalam pembudayaan kerja yang cemerlang ini perlu disemai dalam diri setiap ahli organisasi agar misi untuk membawa organisasi ke arah kecemerlangan akan dapat direalisasikan dengan baik.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Selamat Datang Ke Wad Tarbiah
Kuala Terengganu, Terengganu:
Penerbitan Kata-Pilar, 2015.
205ms.
ISBN 978-967-2014-13-3

Sebuah bacaan santai hasil perkongsian empat penulis yang mempunyai latar belakang dan kerjaya dalam lapangan kerja yang sama iaitu di hospital. Menceritakan kisah dan pengalaman mereka ketika menjalankan tugas harian di hospital dan juga ketika menghadapi detik-detik yang mencemaskan demi menyelamatkan nyawa pesakit. Sarat dengan emosi suka duka pesakit yang digubahkan dalam bentuk penceritaan dan disulami dengan nasihat serta teladan yang boleh direnungi secara positif oleh para pembaca. Kisah-kisah yang dipaparkan turut diselitkan dengan petikan riwayat dan hadis yang secara tidak langsung akan memberikan suasana keinsafan dan istiqamah. Sesungguhnya hospital adalah sebuah tempat yang akan mencengkam jiwa kita supaya insaf, kerana di sana dapat dilihat betapa hampirnya manusia dengan kematian dan juga betapa sunyinya seorang pesakit tua yang tidak pernah didatangi sesiapa.


SINOPSIS BUKU



MUHARIKAH
Hidup Yang Aku Pilih
Seri Kembangan, Selangor: Iman
Publication Sdn. Bhd., 2017. 169ms.
ISBN 978-983-2423-39-3

Sebuah buku motivasi yang berjaya menyampaikan mesej dan semangat motivasi melalui pengalaman peribadi penulis dan disertakan tip-tip mudah dengan cara santai. Mesej utama yang ingin dikongsikan adalah kita mempunyai pilihan sama ada untuk menjadi manusia biasa atau luar biasa dalam hidup kita. Menarik juga pembaca disajikan dengan potongan ayat suci Al-Quran dan hadis yang pasti menambat lagi hati pembaca. Malahan dicadangkan beberapa langkah yang boleh kita lakukan berdasarkan tajuk yang dibincangkan. Sesuai dibaca oleh remaja menengah dan dewasa yang masih dalam proses mencorak dan mengenali diri. Bak kata penulis "*Orang yang berjaya di akhirat, pasti adalah orang yang paling berjaya di dunia*".

SINOPSIS BUKU



MOHD ZAIDI ISMAIL & SHAIKH MOHD SAIFUDDEEN SHAIKH (penyunting)
Islam & Neurosains: isu dan cabaran

Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2016.


111ms.

ISBN: 9789832718451

Neurosains ialah satu bidang yang sedang berkembang pesat yang membawa pelbagai isu dan cabaran yang memerlukan pewacanaan daripada perspektif Islam. Perkembangan neurosains merentas disiplin ilmu dan melibatkan banyak pihak yang berkepentingan. Atas sebab ini, umat Islam tidak mampu sekadar menjadi penumpang atau pengguna tanpa terlibat dalam proses memberikan input terhadap isu dan cabaran yang timbul. Neurosains mencakupi perkara-perkara seperti kesihatan (terutamanya kesihatan mental dan emosi), kehidupan, kematian, keupayaan berfikir dan falsafah minda. Semua perkara ini merupakan perkara yang amat dititikberatkan oleh Islam. Buku *Islam dan Neurosains: Isu dan Cabaran* ini merupakan satu penerokaan awal terhadap dampak yang dibawa oleh neurosains yang dikupas menurut perspektif Islam.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



CARL SANDBURG
Abraham Lincoln: tahun-tahun di Prairie
Rawang, Selangor: Awal Nahdah Resources, 2016. 378ms.
ISBN: 9789671441817

Tahun-tahun di Prairie mengisahkan kehidupan Abraham Lincoln, sejak dilahirkan sehingga beliau akhirnya dipilih menjadi Presiden Amerika Syarikat ke-16. Meskipun hidup sukar di zaman mudanya, beliau tidak pernah memadam keinginan untuk menjadi ahli politik. Dilahirkan di Hodgenville, Kentucky, Lincoln membesar di sempadan barat di Kentucky dan Indiana. Beliau merupakan seorang peguam di Illinois, pemimpin Parti Whig, dan dipilih ke Dewan Perwakilan Illinois, di mana beliau berkhidmat selama lapan tahun. Apabila dipilih ke Dewan Perwakilan Amerika Syarikat pada tahun 1846, Lincoln mempromosikan pmodenan ekonomi yang pesat dan menentang Perang Mexico-Amerika. Beliau berjaya membentuk negara gabungan Amerika sebelum dia berpindah ke White House. Pada 14 April 1865, Lincoln ditembak oleh penentangnya, John Wilkes Booth dan meninggal pada keesokan harinya. Para sarjana dan orang awam secara konsistennya menganggap Lincoln antara presiden yang paling hebat dalam sejarah Amerika Syarikat.

SINOPSIS BUKU



NIK SAFIAH KARIM (penyeleggara)
Ceritera-ceritera daripada Sulalat Al-Salatin

Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan,
2017. 169ms.

ISBN: 9789839510386

Sulalat al-Salatin atau sejarah Melayu ialah karya agung Melayu yang dikaryakan oleh Tun Seri Lanang pada 1612. Karya agung ini menceritakan asal-usul kerajaan atau kesultanan Melaka ditulis dari abad ke 15 Masihi hingga dikalahkan oleh Portugis pada 1511 Masihi. Namun, Sultan Mahmud Syah dan pengikutnya berundur ke Bintan dan akhirnya ke Kampar di Sumatera. Seluruh naratif Sulalat al-Salatin ini terus kekal di benak akal dan pandangan dunia Melayu yang pernah membacanya atau mendengar cerita lisan mengenainya. Hasrat Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim, supaya para pelajar dan pembaca awam dapat membaca dan menikmati seluruh isi dan kandungan yang sejarah asal-usul dan salasilah raja-raja Melayu di abad 15 hingga abad 16 Masihi merupakan satu usaha yang terpuji. Kandungan buku ini adalah berdasarkan teks Sulalat al-Salatin, versi Raffles 18 terbitan Yayasan Karyawan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ANJALI ARORA
**5 Langkah untuk Memerangi
Asma dan Alergi**
Kuala Lumpur: Penerbit UTHM,
2016. 80ms.
ISBN: 9789674307486

Apa-apa sahaja yang memasuki tubuh dianggap sebagai benda asing. Senarai benda asing ini tiada penghujungnya, bermula daripada makanan dan minuman hingga ke barang kosmetik dan ubat-ubatan. Tindak balas alergi ini boleh dilihat dalam bentuk rembesan mucus, rasa gatal atau erupsi (ruam yang tumbuh dengan banyaknya). Bahan asing mengaktifkan sistem imun yang membolehkannya melawan benda asing tersebut dan melindungi tubuh. Sistem imun yang lemah tidak mampu memberikan mekanisme pertahanan yang diperlukan oleh tubuh. Sebaliknya tindak balas hipersensitif berlaku apabila tubuh bertindak balas secara keterlaluan terhadap bahan tertentu. Tindak balas alergi berlaku disebabkan oleh kewujudan bahan tertentu yang disebut alergen. Antara tindak balas alergi yang lazim ialah ekzema, gatal-gatal, demam alergi, asma dan alergi makanan. Tindak balas terhadap bisa serangga yang menyengat seperti penyengat dan lebah juga merupakan alergi.

Sari Pustaka

Ketahui Kesihatan Anda

5 Langkah untuk Memahami Kolesterol

Adakah paras kolesterol anda meningkat?

Ketahui lebih lanjut tentang Kolesterol
Kenali tubuh anda
Kawal Kolesterol Anda
Kawal kehidupan anda

ANJALI ARORA

ANJALI ARORA; Penterjemah NUR AIN HAFIZA MAT JUSOH
Ketahui Kesihatan Anda 5 Langkah Untuk Memahami Kolesterol
Johor: Penerbit UTM Press, 2016.
64ms.
ISBN 9789670798400


Cara pemakanan, apa yang dimakan adalah persoalan penting kepada faktor kesihatan kerana ia amat berkait rapat dengan kuantiti kolesterol dalam tubuh badan manusia. Oleh itu, pengetahuan mengenai kolesterol adalah sangat penting dalam kehidupan kerana ia dapat menjamin kesihatan seseorang. Kolesterol baik dan kolesterol jahat merupakan perkara yang perlu diketahui oleh setiap individu sebab ianya akan memberi impak kepada sistem kesihatan tubuh badan. Umum perlu mengetahui bahawa kolesterol dianggarkan 5% lebih tinggi di dalam tubuh semasa musim sejuk berbanding dengan musim panas. Pengawalan kolesterol dapat menghindarkan dari penyakit jantung koronari, strok dan penyakit berkaitan yang lain. Ujian darah dapat menentukan tahap kolesterol dalam tubuh badan seseorang. Diet yang seimbang, tabiat pemakanan yang betul, bersenam, dan sentiasa berfikiran positif adalah cara yang terbaik kepada kehidupan yang lebih sihat.



Kompilasi kisah-kisah pendek yang bermotivasi dan mendidik jiwa. Kisah-kisah yang memaparkan dari sudut Islam dan kekuatan jiwa serta keimanan seseorang. Walaupun ianya hanya sebuah cerita tetapi ianya dapat menyentap jiwa sekaligus membangkitkan kesedaran kepada pembaca. Cerita yang padat dengan penyampaian yang ringkas, tidak meleret-leret akan memberi keselesaan dan kefahaman kepada pembaca dan maksud yang tepat serta cepat. Selain itu naskhah ini turut menyelitkan contoh dari terjemahan hadis yang berkaitan dengan jalan cerita bersesuaian dengan maksud yang ingin disampaikan. Amat sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat.

ASYRAF FARIQUE
TERMINAL CINTA KAHERAH
Shah Alam: Sentap Press Sdn
Bhd, 2016. 155ms.
ISBN 9789671349854


Sari Pustaka



**RIFAÁ AL-TAHTAWI
IMAM DI KOTA PARIS:
KEMBARA SEORANG IMAM DI
KOTA PARIS
(1826-1831)**

Rawang: Awal Nahdah
Resources, 2016. 303ms.
ISBN 9789671441879


Merupakan buku terjemahan dari *Takhlis al-Ibriz fi Talkhis Bariz*, iaitu perjalanan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku sepanjang perjalanan penulis buku tersebut menuntut ilmu. Kecekapan dan kemahiran dalam ilmu matematik dan ilmu tulen serta asas-asas dan cabang-cabang ilmu negara-negara Eropah telah mencapai tahap yang maksimum. Buku ini juga turut membincangkan mengenai geografi, cuaca dan bahasa yang digunakan oleh orang Perancis sebagai pengetahuan kepada pembaca. Selain itu penulis berkongsi maklumat mengenai makanan dan amalan dalam pengambilan makanan dan minuman orang Perancis serta cara penyembelihan haiwan yang berbeza bagi setiap haiwan tersebut. Sebagai contoh, sekiranya lembu jantan mereka akan memukul bahagian tengah kepala lembu dengan besi yang bengkok hujungnya.



FAISAL AHMAD SHAH
HADIS DAIF DAN PALSU: REALITI PEMAKAIANNYA DI MALAYSIA
Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 2017. 235ms.
ISBN 9789831009499

Kepentingan mengenali perbezaan hadis yang sahih dan daif serta palsu adalah sangat penting bagi umat Islam. Ini kerana perkara tersebut memberi kesan kepada keimanan dan kepercayaan seseorang muslim itu. Penulis memberi ilmu kepada pembaca untuk mengetahui akan hukum beramal dengan hadis daif dan palsu. Selain itu, 54 buah kitab yang mengandungi hadis daif dan palsu turut dibincangkan oleh penulis dalam buku ini. Para ulama telah berusaha untuk menghalang penyebaran hadis daif dan palsu ini melalui penulisan-penulisan mereka. Penggunaan dan penyebaran hadis-hadis daif dan palsu di Malaysia perlu diberi perhatian agar ianya tidak memudaratkan akidah umat Islam keseluruhannya. Amalan-amalan ibadat perlu bersandarkan kepada dalil-dalil atau hadis-hadis yang sahih sahaja. Penjelasan dari buku ini dapat membantu pembaca dalam penyelesaian masalah hadis daif dan palsu.

Sari Pustaka



FAHMI HASSAN, JAZLINA SYAHRUL, DR.
KAMARUL ARIFFIN, DR.ONN AZLI, DR. FAHD
RAZY & DR. SHARIF AHMAD
CAKAR AYAM SEORANG DOKTOR 2.0
Kuala Terengganu: Penerbitan Kata-Pilar, 2017.
222ms.
ISBN 9789672014096

Fikir, senyum, ketawa, selamba dan ilmu telah dikongsikan oleh ahli perubatan dalam buku ini. Kisah-kisah dari pengalaman yang dilalui oleh setiap mereka banyak memberi pengetahuan kepada pembaca. Ilustrasi dan tips yang dinukilkan dalam buku ini akan menggambarkan keceriaan dan ilmu yang bermanfaat kepada pembaca. Penulis-penulis ini turut menyampaikan panduan dengan gaya bahasa yang mudah difahami dan tulisan yang ringkas beserta beberapa istilah perubatan yang turut diselitkan. Pelbagai panduan kesihatan yang terkandung dalam buku ini amat bermanfaat dan boleh dipraktikkan terutamanya oleh pembaca.